

14/09/1998

Dr Mahathir rasmi Festival Dataran Merdeka

KUALA LUMPUR, Ahad - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, malam ini merasmikan Festival Dataran Merdeka yang menggabungkan Pesta Malaysia '98 dan Festival Kebudayaan Komanwel Ke-16.

Perasmian itu dilaksanakan dengan memukul gong gergasi sebanyak tiga kali.

Hadir sama isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik; dan Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Kira-kira 10,000 orang hadir pada acara pembukaan berwarna-warni pesta itu yang turut diserikan dengan persembahan kebudayaan dari Trinidad dan Tobago, India dan Afrika Selatan, selain acara hiburan oleh artis tempatan.

Festival itu yang berlangsung hingga 20 September itu menyediakan pelbagai acara kebudayaan dan kesenian bukan saja dari Malaysia, malah dari Kanada, India, New Zealand, Sri Lanka, Afrika Selatan, England, Singapura, Jamaica, Australia, Cameroon dan Zimbabwe.

Pesta Malaysia menyediakan persembahan kebudayaan dan makanan dari negeri-negeri di Malaysia. Ia diadakan di Pasar Budaya, Pusat Penerangan Pelancongan Malaysia (Matic) Jalan Ampang, Kompleks Budaya Kraf, hotel dan pusat beli-belah sekitar ibu negara.

Negara-negara Komanwel yang menyertai Festival Kebudayaan Komanwel Ke-16 pula akan mempersembahkan pelbagai tarian, muzik dan persembahan dari negara masing-masing di Dataran Merdeka setiap malam sepanjang festival itu.

(END)